

PM: Semai nilai mulia di kalangan kanak-kanak

UM 2 SEP 2001

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK

PETALING JAYA 1 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta golongan ibu bapa supaya menyemai nilai-nilai mulia di kalangan anak-anak mereka di peringkat awal lagi untuk dijadikan pegangan apabila dewasa kelak.

Menurut Dr. Mahathir, kegagalan berbuat demikian akan menjadikan anak-anak mereka golongan remaja atau dewasa yang tidak memberi keuntungan kepada diri mereka serta masyarakat.

Tegas Perdana Menteri, tempoh yang paling sesuai bagi ibu bapa menyemai nilai-nilai mulia adalah ketika kanak-kanak masih kecil kerana ketika itu mereka boleh dibentuk sesuka hati.

“Anak-anak dilahirkan bersih daripada kekotoran, jika mereka diberi pendidikan yang tidak baik, kelak apabila membesar mereka akan terlibat dalam kegiatan yang tidak baik juga,” katanya ketika berucap melancarkan Kempen Global “Katakan Ya Bagi Kanak-kanak” di sini hari ini.

Kempen yang mempunyai 10 objektif itu dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke arah membina dunia yang lebih baik bagi kanak-kanak dan memastikan mereka membesar dengan sihat, dihormati dan berkeyakinan diri.

Kempen itu juga bertujuan mendapatkan penyertaan ibu bapa, penjaga, individu, kumpulan agama dan pertubuhan swasta sejajar dengan usaha Malaysia memperjuangkan nasib kanak-kanak sejak Persidangan Kemuncak untuk Kanak-kanak Sedunia 1990.

Berucap di hadapan kira-kira 1,000 kanak-kanak daripada pelbagai kaum dan agama, Perdana Menteri turut

menekankan peri pentingnya golongan guru memainkan peranan membentuk keperibadian mulia di kalangan kanak-kanak.

Katanya, pendidikan yang sempurna di rumah dan sekolah akan membantu mewujudkan golongan dewasa yang bukan sahaja dapat memberi sumbangan kepada dirinya sendiri malah kepada keluarga, bangsa dan agama.

Beliau berkata, pelaksanaan kempen "Katakan Ya Bagi Kanak-kanak" merupakan contoh terbaik untuk menunjukkan betapa pentingnya pera-

nan ibu bapa dan guru untuk membentuk generasi baru yang cemerlang.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun ibu bapa disaran supaya mengatakan "ya" kepada anak-anak tetapi masih ada perkara yang memerlukan mereka mengatakan "tidak".

"Adakalanya kita perlu tegur atau larang, untuk ini kita tidak boleh kata "ya" kerana akan berlaku sesuatu yang tidak baik untuk mereka (anak-anak) dan apabila mereka buat baik, kita perlu akui dan puji," katanya.

Perdana Menteri menarik

perhatian bahawa anak-anak yang dipuji kerana melakukan kebaikan akan merasa diri mereka terpelihara dan dilindungi oleh ibu bapa masing-masing.

Beliau turut kesal kerana kejadian mendera kanak-kanak masih kerap berlaku sehingga kadangkala menyebabkan kematian.

Sambil melahirkan rasa sedih dan kecewa, Dr. Mahathir berkata, perkara seumpama itu tidak sepatutnya berlaku kerana kanak-kanak tidak boleh mempertahankan diri dan bergantung kepada orang dewasa untuk menjaga mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru rakyat supaya segera bertindak melaporkan sebarang kes penderaan walaupun melibatkan keluarga terdekat.

"Jangan kita mendera kanak-kanak sebaliknya mereka perlu disayangi," katanya.

Mengenai kempen "Katakan Ya Bagi Kanak-kanak" itu Perdana Menteri berkata, perhimpunan petang ini akan memupuk semangat persaudaraan di kalangan anak-anak Malaysia sebagai sebuah keluarga.